

# JABATAN PERTANIAN SARAWAK



## NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
DOA/HQ-SM.7/400-12/2/39(IAT)	Quotation For The Supply and Delivery Of The Cotton Material For Uniform Of All Community Development Assistant For The Year 2019	Kategori C, Kepala VI, Sub-kepala 2(a)	10.00	13.11.2019 (Rabu)	13.11.2019 (Rabu) Sebelum 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SESALINAN LESEN UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), LESEN PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **LESEN PERNIAGAAN, LESEN PENDAFTARAN DAN SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **07/11/2019** hingga **13/11/2019** pada waktu pejabat di alamat **Jabatan Pertanian Sarawak, Ibu Pejabat, Tingkat 16, Menara Pelita, Petra Jaya, Jalan Tun Abang Muhammad Salahuddin, Petra Jaya, Kuching, Sarawak**.

5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Pengerusi**  
**c/o Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan (Negeri)**  
**d/a Ibu Pejabat Pertanian, Tingkat 16, Menara Pelita,**  
**Petra Jaya, Jalan Tun Abang Muhammad Salahuddin,**  
**Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak.**

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
8. Iklan Sebut Harga ini juga boleh diperolehi di dalam laman sesawang Jabatan Pertanian Sarawak. **Sila layari [www.doa.sarawak.gov.my](http://www.doa.sarawak.gov.my).**



.....  
**DR. ALVIN CHAI LIAN KUET**  
**Pemangku Pengarah Pertanian Sarawak**

07 NOV 2019

Tarikh : .....

**Nota Penting:** *Notis Sebut harga ini hendaklah dipamerkan di Papan Kenyataan Kementerian / Jabatan tujuh (7) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan sebut harga.*